

25/12/2001

Permohonan keluarga lawat Misuari dipertimbang

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan mempertimbangkan untuk membenarkan keluarga bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, yang kini ditahan di sini melawatnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, pertimbangan dibuat jika ada permohonan keluarga Misuari.

"Kita akan membuat pertimbangan," katanya mengulas laporan agensi berita antarabangsa AFP bahawa keluarga Misuari bimbang dengan keselamatan pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) itu.

Peguam Misuari, Elly Pamatong semalam dipetik sebagai berkata, keluarga bekas pemimpin itu menyatakan kebimbangan terhadap keselamatannya selepas pihak berkuasa Malaysia tidak membenarkan dua isteri dan anak-anaknya berjumpa beliau.

Misuari dikehendaki Kerajaan Filipina kerana melancarkan pemberontakan di selatan Mindanao.

Beliau ditahan bersama enam pengikutnya oleh polis Malaysia di perairan Sabah pada 24 November lalu kerana memasuki negara ini tanpa dokumen perjalanan sah.

Malaysia berulang kali menyatakan Misuari tidak melakukan kesalahan jenayah dan tidak boleh menahannya melebihi sebulan kerana kesalahan imigresen itu.

Mengenai tarikh penyerahan Misuari kepada Manila, Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia sedang membincangkan perkara itu dengan Filipina.

Beliau membayangkan penyerahan itu mungkin dilakukan bulan depan kerana Filipina kini sibuk dengan persediaan sambutan Krismas.

"Kita harap kerajaan Filipina menerimanya (Misuari) kerana kita tidak boleh meletakkan beliau dalam tahanan selama-lamanya," katanya.

Mengenai kenyataan Pamatong Misuari diberikan suaka politik sementara, Dr Mahathir menegaskan, Malaysia tidak memberi suaka politik kepada mereka yang terbabit dalam keganasan.

"Kita memutuskan mereka yang melakukan keganasan di negara sendiri dan menggunakan rakyat biasa sebagai tebusan tidak diberikan suaka," katanya.

(END)